

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (42)
Tarikh : 28 April 2015

**Ketua Pengarang
Makkal Osai**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR MAKKAL OSAI BERTAJUK "KALAIVANI DAN 3 ORANG ANAK TIDAK MEMILIKI SIJIL KELAHIRAN" BERTARIKH 22 APRIL 2015, KHAMIS – M.S: 3

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Kalaivani A/P Annamalai berkenaan beliau dan tiga orang anak yang masih belum memiliki sijil kelahiran.

3. Untuk makluman, hasil semakan mendapati Puan Kalaivani A/P Annamalai pernah hadir bersama wakil NGO ke JPN Ipoh bagi mendaftarkan kelahiran beliau dan anak – anaknya. Walau bagaimanapun semakan mendapati bahawa permohonan tersebut tidak dapat diproses kerana tidak lengkap dari segi dokumen – dokumen sokongan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan menyarankan Puan Kalaivani A/P Annamalai dapat memberikan komitmen dan kerjasama dalam proses pendaftaran dokumen pengenalan diri beliau dan juga anak – anaknya. Sekiranya permohonan beliau lengkap pihak JPN akan menguruskan proses permohonan daftar lewat kelahiran Puan Kalaivani A/P Annamalai dan juga anak – anaknya berdasarkan peruntukkan undang – undang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
 2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
 3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
 4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)